**NO.SOALAN: 160**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN N SURENDRAN A/L K NAGARAJAN**
**[ PADANG SERAI ]**

**RUJUKAN : 9732**

**SOALAN:**

**Tuan N Surendran A/L K Nagarajan [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tahanan yang pada masa ini menunggu perlaksanaan hukuman mati (death row) di seluruh negara atas kesalahan pengedaran dadah mengikut kategori kewarganegaraan.

**JAWAPAN:**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara pada 22 Februari 2017 menunjukkan sejumlah 799 banduan hukuman mati atau banduan akhir ditahan di penjara kerana disabitkan kesalahan mengedar dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Daripada jumlah tersebut seramai 383 banduan adalah warganegara Malaysia dan 416 banduan adalah bukan warganegara Malaysia. Kesemua kes banduan berkenaan masih lagi di peringkat rayuan sama ada di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan atau Lembaga Pengampunan Negeri.**